

KERANGKA PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN PROGRAM DIPLOMA
KEJURUTERAAN MEKATRONIK DI POLITEKNIK MALAYSIA

SHARIFAH NURULHUDA BT TUAN MOHD YASIN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Teknikal & Vokasional)

Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

MAC 2017

DEDIKASI

Untuk Abah & Mak.

Almarhum Tuan Mohd Yasin Tuan Sidi dan Fejilah Hamzah

Kejayaan ini adalah berkat doa restu abah dan mak berdua.

Buat yang tersayang suami ku

Mohd Fauzi Mohd Yunus,

Sokongan, dorongan dan doa abang sentiasa mengiringi kejayaan ini.

Anak-anak tersayang,

Ainaa Sabihah,

Aimy Samihah,

Muhamad Aus Fauzan,

Muhamad Auf Fauwaz,

pengorbanan anakku semua mengiringi kejayaan mama.

Terima kasih atas pengorbanan kalian.

Adik-adikku yang selalu membantuku

Sharifah Norsakinah,

Syarifah Nurul Izzah,

Sharifah Norhafizah,

Syed Norzulhadi.

Sahabat sePhDku

Dr Sharifah Nadiyah Razali,

Dr Nur Bahiyah Abdul Wahab,

Terima kasih kerana selalu mendengar keluh kesahku dan berkongsi saat suka duka bersama didalam perjuangan ini.

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia Nya kajian ini dapat disiapkan sebagai satu syarat kepada penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada Yang Berbahagia Dr. Azman Hassan selaku penyelia utama kepada kajian ini yang telah banyak memberikan bimbingan serta tunjuk ajar sehingga penulisan ini dapat dihasilkan dengan sempurna dalam masa yang ditetapkan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada Yang Berusaha Dr. Jamil Baser, selaku penyelia bersama yang banyak membantu, memberi sokongan serta dorongan. Sekalung penghargaan kepada pensyarah di UTHM, UTM dan Politeknik yang terlibat secara tidak langsung dalam kajian ini iaitu; Profesor Dr. Yahya Buntat, Dr. Jamil Baser, Dr Kamarudin Mad Tahir dan Dr Ahmad Zainal. Jutaan terima kasih kepada pegawai di Jabatan Pendidikan Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM) dan pensyarah di politeknik yang telah memberi input dan maklumat berguna iaitu; En Shah Nazim Shahar, En Koh Foo Hin, Puan Fauziah Zakaria dan En Muhammad Izani Sahak. Terima kasih kepada Pengarah-Pengarah politeknik yang terlibat iaitu; Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), Politeknik Ungku Omar (PUO), Politeknik Merlimau (PMM) dan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PMZA). Setinggi penghargaan kepada sahabat seperjuangan iaitu; Dr. Sharifah Nadiyah Razali, Dr Ahmad Zainal, Dr. Bahiyah Abd. Wahab, Dr. Aspalilla Main, Dr. Johar Bunimin, Dr Hadijah Ahmad, Dr Helmi Bakar, Dr Cik Ku Nuraini, Noor Atikah, Shafiza, Amanina, Nurfarha dan sahabat di FPTV atas dorongan motivasi serta sokongan. Akhir sekali, terima kasih tidak terhingga kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah menghasilkan kerangka penambahbaikan pelaksanaan program Diploma Kejuruteraan Mekanik di politeknik Malaysia. Di mana konsep penilaian digunakan berpandu kepada Model penilaian Stufflebeam iaitu dimensi konteks, input, proses, dan produk. Data dikumpul melalui soal selidik, analisis dokumen (senarai semak), temu bual separa berstruktur dan pemerhatian berstruktur (rubrik). Kaedah gabungan *Sequential Exploratory Design* digunakan. Hasil analisis menunjukkan tahap kesesuaian dimensi konteks terhadap elemen program (E-DEM) adalah tinggi. Di sokong oleh temubual, jawatankuasa pembangunan kurikulum (*stakeholder*). Dapatan kajian mengenai tahap keselarian elemen program (E-DEM) dalam dimensi input adalah sederhana bagi dua elemen iaitu pengetahuan dan kemahiran pensyarah dan kelengkapan peralatan P&P. Pada dimensi proses, tahap pelaksanaan elemen program (E-DEM) adalah tinggi bagi dua elemen iaitu proses pengajaran dan pembelajaran dan Kaedah penilaian. Namun begitu bagi elemen Penggunaan kemudahan dan peralatan pengajaran dan pembelajaran adalah di tahap sederhana. Bagi dimensi produk, tahap keberkesanan elemen program (E-DEM) berdasarkan persepsi graduan dan majikan adalah pada tahap sederhana. Analisis *Differential Group Functioning (DGF)* menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kumpulan graduan dan majikan. Ini menjelaskan bahawa kumpulan graduan dan majikan mempunyai tahap persepsi yang sama terhadap penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kemahiran insaniah graduan ketika bekerja di industri. Melalui analisis ujian Regresi Mudah menunjukkan bahawa dimensi konteks, dimensi input dan dimensi proses merupakan faktor yang menyumbang kepada dimensi produk. Seterusnya, didapati aspek pengetahuan tentang konteks (dimensi konteks) memberi sumbangan tertinggi terhadap dimensi produk. Daripada kajian ini, satu kerangka penambahbaikan pelaksanaan program Diploma Kejuruteraan Mekanik dihasilkan.

ABSTRACT

This study aims to produce improvement framework the implementation of Diploma in Mechatronics Engineering program at the Polytechnic Malaysia. Where the concept evaluation is based on Stufflebeam evaluation model which consists of context dimension, input, process, and product. Data is collected through questionnaires, document analysis, semi-structured interviews and structured observations via Combined Sequential Exploratory Design Method. The analysis showed that the level of context to fit the dimensions of the elements of the program (E-DEM) is high as supported by curriculum development committee (stakeholders). The findings on program element level parallelism (E-DEM) in dimension input is simple for the two elements of knowledge and skills of faculty and teaching and learning equipment. In the process dimension, the level of implementation of program elements (E-DEM) is higher for the two teaching elements of learning process and methods of assessment. However the use of facilities and equipment elements of teaching and learning is at a moderate level. For product dimensions, the effectiveness of the program elements (E-DEM) based on the perceptions of graduates and employers are at a moderate level. Differential Group Functioning Analysis (DGF) showed no significant differences for the group of graduates and employers. It explains that the group of graduates and employers has the same perception of the mastery of knowledge, skills and softskill of graduates when working in the industry. Finally, through the analysis of Simple Linear Regression, the available findings show that context, input and process dimensions are contributing factors to the dimension of the product. Next, from the three dimensions of the available knowledge about the context (dimensional context) gives the highest contribution to the dimensions of the product. From this study, the framework of program improvisation implementation for Diploma in Mechatronics Engineering be produced.

KANDUNGAN

TAJUK	i
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1	
PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang masalah	5
1.3 Penyataan masalah	15
1.4 Objektif kajian	16
1.5 Persoalan kajian	17
1.6 Hipotesis kajian	18
1.7 Kerangka konsep kajian	18
1.8 Limitasi kajian	20
1.9 Kepentingan kajian	21
1.10 Definisi operasional	21



1.10.1	Penambahbaikan	22
1.10.2	Kurikulum	22
1.10.3	Industri	23
1.10.4	Konteks	23
1.10.5	Input	23
1.10.6	Proses	24
1.10.7	Produk	24
1.10.8	Penilaian program	24
1.11	Rumusan	25
BAB 2	SOROTAN KAJIAN	26
2.1	Pengenalan	26
2.2	Teori pengurusan	26
2.2.1	Model pengurusan strategik	27
2.2.2	Komponen proses pengurusan strategik	28
2.2.3	Kepentingan pengurusan strategik	30
2.2.4	Implikasi model pengurusan strategik untuk penyelidikan	30
2.3	Teori pendidikan berasaskan hasil (OBE)	31
2.3.1	Pendekatan pendidikan berasaskan hasil	32
2.3.2	Konsep pendidikan berasaskan hasil	33
2.3.3	Implikasi pendekatan pendidikan berasaskan hasil untuk penyelidikan	34
2.4	Teori pembelajaran Taksonomi	35
2.4.1	Domain kognitif	35
2.4.2	Domain afektif	37
2.4.3	Domain psikomotor	38
2.4.4	Implikasi teori pembelajaran Taksonomi untuk penyelidikan	39
2.5	Teori penilaian	39
2.5.1	Model penilaian kurikulum	41
2.5.2	Implikasi pemilihan model penilaian CIPP Stufflebeam	46
2.6	Perancangan pelaksanaan program	47

2.6.1	Dimensi konteks	48
2.6.2	Dimensi input	54
2.6.3	Dimensi proses	60
2.6.4	Dimensi produk	64
2.7	Kajian-kajian berkaitan	65
2.8	Rumusan	69
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	70
3.1	Pengenalan	70
3.2	Rekabentuk kajian	70
3.2.1	Fasa 1: kajian awalan	72
3.2.2	Fasa 2: pembangunan instrumen dan kajian rintis	74
3.2.3	Fasa 3: kajian sebenar	74
3.3	Populasi dan sampel kajian	77
3.4	Prosedur kajian	78
3.5	Instrumen kajian	80
3.5.1	Soal selidik	80
3.5.2	Temu bual separa berstruktur	81
3.5.3	Pemerhatian berstruktur (rubrik)	82
3.5.4	Analisis dokumen (senarai semak)	83
3.6	Semakan menggunakan Indeks Fliess Kappa	83
3.7	Kesahan muka dan kandungan	84
3.8	Kajian rintis	85
3.8.1	Kajian rintis soal selidik I (pensyarah)	86
3.8.2	Kajian rintis soal selidik II (pelajar)	92
3.8.3	Kajian rintis soal selidik III (graduans)	98
3.8.4	Kajian rintis soal selidik IV (majikan)	102
3.9	Analisis kajian	107
3.10	Rumusan	111
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	112
4.1	Pengenalan	112
4.2	Analisis dapatan kajian	112

4.2.1	Analisis elemen Program Diploma Kejuruteraan Mekatronik (E-DEM)	113
4.2.2	Analisis tahap dimensi konteks terhadap elemen program (E-DEM)	125
4.2.3	Analisis tahap dimensi input terhadap elemen program (E-DEM)	126
4.2.4	Analisis tahap dimensi proses terhadap elemen program (E-DEM)	128
4.2.5	Analisis tahap dimensi produk terhadap elemen program (E-DEM)	135
4.2.6	Analisis perbezaan antara tahap persepsi graduan dan majikan terhadap penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kemahiran insaniah graduan dalam dimensi produk	137
4.2.7	Analisis sumbangan elemen program (E-DEM) dalam dimensi konteks, input dan proses terhadap dimensi produk	138
4.3	Rumusan	143
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	145
5.1	Pengenalan	145
5.2	Perbincangan dapatan kajian	146
5.2.1	Elemen program diploma Kejuruteraan Mekatronik (E-DEM)	147
5.2.2	Tahap dimensi konteks terhadap elemen program (E-DEM)	149
5.2.3	Tahap dimensi input terhadap elemen program (E-DEM)	153
5.2.4	Tahap dimensi proses terhadap elemen program (E-DEM)	156
5.2.5	Tahap dimensi produk terhadap elemen program (E-DEM)	161

5.2.6	Perbezaan antara tahap persepsi graduan dan majikan terhadap penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kemahiran insaniah graduan dalam dimensi produk	163
5.2.7	Sumbangan elemen program (E-DEM) dalam dimensi konteks, input dan proses terhadap dimensi produk iaitu elemen penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kemahiran insaniah graduan	164
5.3	Kesimpulan kajian pelaksanaan program Diploma Kejuruteraan Mekanik	165
5.4	Implikasi dapatan kajian	170
5.5	Cadangan untuk kajian lanjutan	171
5.6	Penutup	172
	RUJUKAN	173
	LAMPIRAN	190
	BIODATA PENULIS	263



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

SENARAI JADUAL

2.1	Perbezaan di antara dua pendekatan proses pembelajaran	31
2.2	Senarai Kemudahan Fizikal	62
3.1	Populasi dan sampel kajian	78
3.2	Pemilihan saiz sampel dicadangkan Linacre (1999)	78
3.3	Skala persetujuan Pekali Kappa	84
3.4	Interpretasi skor Alpha-Cronbach	86
3.5	Nilai kebolehpercayaan responden (kajian rintis)	87
3.6	Nilai kebolehpercayaan item (kajian rintis)	87
3.7	Nilai MNSQ bagi kesesuaian (fit) item	88
3.8	Korelasi residual terpiawai terbesar	89
3.9	Ringkasan jumlah item yang kekal dan digugurkan	91
3.10	Interpretasi skor Alpha-Cronbach	92
3.11	Nilai kebolehpercayaan responden (kajian rintis)	92
3.12	Nilai kebolehpercayaan item (kajian rintis)	93
3.13	Nilai MNSQ bagi kesesuaian (fit) item	94
3.14	Korelasi residual terpiawai terbesar	95
3.15	Ringkasan jumlah item yang kekal dan digugurkan	97
3.16	Interpretasi skor Alpha-Cronbach	98

3.17	Nilai kebolehpercayaan responden (kajian rintis)	98
3.18	Nilai kebolehpercayaan item (kajian rintis)	99
3.19	Nilai MNSQ bagi kesesuaian (fit) item	100
3.20	Korelasi residual terpiawai terbesar	100
3.21	Ringkasan jumlah item yang kekal dan digugurkan	102
3.22	Interpretasi skor Alpha-Cronbach	103
3.23	Nilai kebolehpercayaan responden (kajian rintis)	103
3.24	Nilai kebolehpercayaan item (kajian rintis)	104
3.25	Nilai MNSQ bagi kesesuaian (fit) item	104
3.26	Korelasi residual terpiawai terbesar	105
3.27	Ringkasan jumlah item yang kekal digugurkan	107
3.28	Tafsiran skor min	108
3.29	Objektif Kajian, Persoalan kajian , Instrumen Kajian dan Kaedah Analisis	109
4.1	Perbandingan elemen program (E-DEM) konteks berdasarkan analisis dokumen dan rencana terperinci (<i>blueprint</i>)	114
4.2	Perbandingan elemen program (E-DEM) input berdasarkan analisis dokumen dan rencana terperinci (<i>blueprint</i>)	115
4.3	Perbandingan elemen program (E-DEM) proses berdasarkan analisis dokumen dan rencana terperinci (<i>blueprint</i>)	116



4.4	Perbandingan elemen program (E-DEM) produk berdasarkan analisis dokumen dan rencana terperinci (blueprint)	117
4.5	Nilai pekali persetujuan Fleiss Kappa bagi keseluruhan elemen soal selidik	124
4.6	Analisis tahap persetujuan responden terhadap kesesuaian elemen program (E-DEM) dalam dimensi konteks	125
4.7	Analisis tahap persetujuan responden terhadap tahap keselarian elemen program (E-DEM) dalam dimensi input	127
4.8	Taburan kekerapan dan peratusan penilaian kelengkapan kemudahan dan peralatan P&P berdasarkan analisis dokumen (senarai semak) ketua program (N=4)	128
4.9	Analisis tahap persetujuan responden terhadap pelaksanaan elemen program (E-DEM) dalam dimensi proses	129
4.10	Analisis tahap persetujuan responden terhadap pelaksanaan elemen kaedah penilaian dalam dimensi proses	130
4.11	Taburan kekerapan dan peratusan penilaian pelaksanaan kaedah penilaian berdasarkan analisis dokumen (senarai semak) ketua program (N=4)	131
4.12	Analisis tahap persetujuan responden terhadap pelaksanaan elemen proses pengajaran dan pembelajaran dalam dimensi proses	131
4.13	Taburan kekerapan dan peratusan penilaian pelaksanaan proses pengajaran	

	dan pembelajaran berdasarkan pemerhatian berstruktur ketua program (N=16)	133
4.14	Analisis tahap persetujuan responden terhadap pelaksanaan elemen penggunaan kemudahan dan peralatan pengajaran dan pembelajaran dalam dimensi proses	134
4.15	Taburan kekerapan dan peratusan penilaian penggunaan kemudahan dan peralatan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan analisis dokumen(senarai semak) ketua program (N=4)	135
4.16	Analisis tahap persetujuan responden terhadap keberkesanan elemen program (E-DEM) dalam penilaian produk berdasarkan persepsi graduan	136
4.17	Analisis tahap persetujuan responden terhadap keberkesanan elemen program (E-DEM) dalam dimensi produk berdasarkan persepsi majikan	137
4.18	Nilai t dan p pesepsi graduan dan majikan	137
4.19	Analisis model regresi mudah	139
4.20	Analisis model regresi linear mudah sumbangan dimensi konteks	140
4.21	Analisis ANOVA regresi linear mudah sumbangan dimensi konteks	140
4.22	Analisis model regresi linear mudah sumbangan dimensi input	141
4.23	Analisis ANOVA regresi linear mudah sumbangan dimensi input	141

4.24	Analisis model regresi linear mudah sumbangan dimensi proses	142
4.25	Analisis ANOVA regresi linear mudah sumbangan dimensi proses	142
4.26	Rumusan analisis dapatan kajian	143



SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka konseptual kajian pelaksanaan program Diploma Kejuruteraan Mekanik	18
1.2	Modul kurikulum	20
2.1	Model pengurusan strategik	28
2.2	Carta alir semakan pernyataan PEO dan PLO secara berterusan	33
2.3	Perlaksanaan OBE secara menyeluruh	34
2.4	Proses pembangunan kurikulum	56
2.5	Proses pembangunan kandungan kurikulum	56
2.6	Kompetensi bidang Diploma Kejuruteraan Mekanik.	58
3.1	<i>Mixed method: Exploratory Sequential</i>	71
3.2	Proses triangulasi data	72
3.3	Kerangka rekabentuk kajian	76
3.4	Model proses temu bual: Model kuantitatif	81
4.1	Sumbangan keseluruhan elemen program (E-DEM)	139
5.1	Kerangka penambahbaikan pelaksanaan program Diploma Kejuteraan Mekanik	169

SENARAI SINGKATAN

DEM	-	Diploma Kejuruteraan Mekatronik
OBE	-	Pendidikan berasaskan hasil.
PEO	-	Objektif pendidikan program.
PLO	-	Hasil pembelajaran program.
CLO	-	Hasil pembelajaran kursus.
KI	-	Kemahiran insaniah
MQA	-	Agensi Kelayakan Malaysia
MQF	-	Kerangka kelayakan Malaysia
COPPA	-	Kod Amalan Akreditasi Program
COPIA	-	Kod Amalan Audit Institusi



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

A	Instrumen	190
B	Protokol Temu Bual (Kajian Awalan)	229
C	Analisis Kajian Rintis	238
D	Analisis Tahap	254
E	Analisis Temu Bual Pakar	260
F	Senarai Nama & Jawatan Pakar	263
G	Surat Kebenaran Untuk Maklumat Kajian	265
H	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Di Politeknik	266
I	Borang Pengesahan Pakar Muka Dan Kandungan	268
J	Borang Pengesahan Pakar Muka Dan Bahasa	273
K	Borang Pengesahan Menjalankan Sesi Temubual	274



PTAAUTHIM
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PENKAJIANNYA TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penilaian didefinisikan sebagai satu proses untuk menentukan sejauh mana objektif sesuatu program dapat dicapai Tyler (1950). Bagi Alkin (1969), Cronbach (1963) dan Stufflebeam *et al.* (1971), penilaian adalah satu proses pengumpulan dan penggunaan maklumat untuk membuat keputusan. Manakala Suchman (1967) pula menyatakan bahawa penilaian adalah suatu usaha untuk mengenal pasti sama ada sesuatu program berjaya mencapai matlamat dan objektifnya. Peranan penilaian adalah merujuk kepada sesuatu tindakan terhadap jawapan-jawapan yang telah diterima melalui data-data yang telah dikumpul termasuk membantu dalam proses kemajuan sesuatu program atau untuk membuat klasifikasi berdasarkan mutu keseluruhan program tersebut Butterfield (1995); Yahaya (1999).

Cronbach (1963) menyatakan bahawa penilaian program bermaksud proses penghakiman terhadap program dan proses itu pula melibatkan prosedur-prosedur yang dijalankan dengan atau tanpa instrumen- instrumen tertentu. Penilaian terhadap pendidikan perlu dilaksanakan bagi menilai keberkesanan sesuatu pendidikan. Pendidikan membawa maksud pertumbuhan kerana ia bukan hanya terhad kepada institusi pendidikan sahaja tetapi memberi kesan kepada individu dan masyarakat. Konsep pendidikan di dalam sesebuah negara mempunyai skop dan pengertian yang luas serta mempunyai tujuan tertentu. Oleh yang demikian, konsep pendidikan memerlukan satu proses pembinaan kurikulum dan sistem penyampaian yang selari dengan kehendak sesebuah negara yang berkenaan. Pembinaan kurikulum dan sistem pelaksanaan kurikulum perlu dilakukan dengan tersusun untuk mencapai tujuan melahirkan seseorang warganegara yang memiliki segala ciri insan berpotensi bagi pembangunan negara.

Kurikulum merupakan nadi bagi setiap program pendidikan kerana bertindak sebagai pemudah untuk menyampaikan segala isi dan matlamat dalam proses pengajaran. Kurikulum berperanan sebagai garis panduan dan penentu sempadan ilmu yang hendak disampaikan. Kurikulum diertikan sebagai suatu susunan rencana pelajaran, skop dan isi kandungan sesuatu mata pelajaran di institusi pendidikan atau sebagai satu subjek yang khusus (Greenwood & Stillwell, 1999). Nordin & Othman (2008) menjelaskan pengertian umum kurikulum ialah kurikulum bagi satu mata pelajaran yang disediakan oleh pihak institusi pendidikan. Walau bagaimanapun ada yang lebih perspektif dengan melihat kurikulum sebagai program pendidikan bagi mencapai sesuatu matlamat tertentu. Mereka menyatakan kurikulum juga boleh bererti apa yang guru hendak mengajar dan apa yang pelajar perlu belajar.

Berdasarkan kepada huraian konsep kurikulum di atas, kurikulum Kejuruteraan Mekatronik ini adalah hasil gabungan empat disiplin iaitu kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektronik, sistem kawalan dan sains komputer (Allen, 2006). Merujuk definisi mekatronik, Grimheden (2013) menyatakan mekatronik adalah satu subjek akademik yang muncul pada akhir tahun 1960-an dan definisi paling selalu digunakan ialah mekatronik sebagai integrasi sinergi kejuruteraan mekanikal dengan kejuruteraan elektronik dan kawalan komputer bijak dalam reka bentuk pembuatan produk industri dan proses. Grimheden (2006) menyatakan evolusi mekatronik dalam konteks pendidikan kejuruteraan merujuk penciptaan produk yang lebih kompleks dengan memberi tumpuan pada sintesis daripada analisis. Inilah adalah cabaran bagi graduan politeknik untuk bersaing di pasaran kerjaya hari ini.

Oleh itu, revolusi menukar dan mereka bentuk semula kandungan kurikulum, menambah baik gaya pengajaran dan pembelajaran atau pendekatan P&P dan membangunkan cara baru untuk menilai pelajar adalah antara inisiatif yang dibuat oleh Jabatan Pengajian Politeknik ke arah memenuhi kriteria dan standard yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) (Ibrahim & Nadzri, 2010). Perubahan besar yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia adalah dengan melaksanakan kurikulum baru yang menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan hasil (OBE). Merujuk Yaman, Che Azemi & Shamsudin (2012) pendekatan OBE ini mula diperkenalkan di Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia mulai tahun 2010 untuk memenuhi keperluan Kelayakan Kerangka Malaysia.

Perubahan kurikulum ini di harap supaya graduan yang dihasilkan oleh politeknik adalah setanding dengan graduan dari lepasan institusi-institusi lain tidak kira institusi swasta mahupun institusi awam. Kurikulum Diploma Kejuruteraan Mekanik turut terlibat dalam perubahan ini yang melibatkan perubahan secara drastik. Kurikulum telah diubah dari segi bahasa dan konsep pembelajaran dan pengajaran yang menekankan pembelajaran berasaskan hasil. Objektif pendidikan program (PEO), hasil pembelajaran program (PLO), hasil pembelajaran kursus (CLO) dibentuk dan kandungan kurikulum ditambah baik berdasarkan keperluan semasa. Sepuluh politeknik seluruh Malaysia menawarkan kursus Diploma Kejuruteraan Mekanik . Di mana, politeknik merupakan institusi peneraju TVET dengan melahirkan dan membekal modal insan berdaya saing yang menepati kehendak industri Mekanik.

Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Jabatan Pengajian Politeknik dan politeknik telah berusaha melaksana agenda kritikal bagi mendukung teras Pelan Strategik Pengajian Tinggi (Jabatan Pengajian Politeknik, 2013). Modal insan yang kompeten akan menjadi penggerak sektor industri untuk membangunkan ekonomi negara. Modal insan boleh difahami sebagai keupayaan produktif seseorang individu yang boleh digunakan untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan (Thurow, 1970). Dalam erti kata lain, keupayaan produktif adalah pengetahuan, kemahiran, bakat dan potensi yang dimiliki oleh individu-individu yang boleh dimanfaatkan dalam pasaran buruh. Ini menunjukkan betapa pentingnya bagi Malaysia untuk membangunkan sepenuhnya kualiti dan tenaga kerja yang cekap dan dalam era ekonomi baru dalam mencapai negara maju (Mohamood & Md.Shariff, 2010).

Seiring dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, Transformasi Politeknik bertujuan menghasilkan modal insan yang mempunyai mentaliti kelas pertama dan mampu bersaing dalam pasaran global (Jabatan Pengajian Politeknik, 2013). Ini adalah kekuatan baru kepada Politeknik. Tempoh agenda Transformasi Politeknik adalah dalam jangka masa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Kesebelas (Jabatan Pengajian Politeknik, 2013). Pelan Transformasi ini adalah berdasarkan Pemerkasaan Politeknik melalui pembangunan program-program baru di teras khusus, meningkatkan pengetahuan pensyarah-pensyarah, kakitangan yang kompeten dan mahir serta budaya kerja yang cemerlang (Abd Wahab, Zakaria, & Jasmi, 2010). Ini turut disokong oleh Main & Mohd Yusoff (2010), salah satu teras objektif Agenda Transformasi Politeknik yang dirangka sepanjang tahun 2009

sehingga 2020 iaitu pemerksaan warga politeknik dengan pengetahuan dan kemahiran tinggi. Warga politeknik merujuk kepada pelajar, pensyarah dan staf politeknik.

Berdasarkan keperluan ini, politeknik memegang peranan utama untuk pembangunan modal insan pada peringkat pertengahan dalam menyalurkan kemahiran dan pendidikan dalam bidang teknikal, perdagangan dan sektor perkhidmatan (Abd Wahab *et al.*, 2010). Saglam & Oral (2010) menekankan tiga unsur-unsur penting yang diperlukan oleh industri boleh disenaraikan sebagai, bahan mentah, tenaga manusia dan mesin. Seiring dengan itu, kerajaan sangat peka terhadap keperluan ini di mana ia tidak sahaja bergantung kepada tenaga kerja yang berpendidikan tinggi malah mempunyai input tenaga kerja mahir. Dalam tuntutan ini Pendidikan Teknik dan Vokasional memainkan peranan penting.

Merujuk kepada Zainudin, Saud & Nordin (2012) menjelaskan kecekapan yang tinggi dalam kendalian teknologi, bahasa asing, di perlengkapan dengan kemahiran pekerjaan dan keusahawanan adalah antara beberapa kemahiran lain yang diperlukan selain daripada kemahiran teknikal khusus dalam industri masing-masing. Oleh itu, program-program yang ditawarkan, panduan kursus serta kurikulum yang diguna-pakai haruslah sejajar ke arah melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi industri. Institusi pendidikan khususnya politeknik dan industri perlulah saling bekerjasama dalam memastikan kurikulum yang dihasilkan adalah menepati keperluan masing-masing. Di sini jelas menunjukkan penilaian secara holistik perlu dilakukan untuk menilai setiap program yang bangunkan.

Penilaian dijalankan bertujuan untuk melihat sejauh mana nilai sesuatu program dapat dicapai. Peranan penilaian adalah merujuk kepada sesuatu tindakan terhadap jawapan-jawapan yang telah diterima melalui data-data yang telah dikumpul termasuk membantu dalam proses kemajuan sesuatu program atau untuk membuat klasifikasi berdasarkan mutu keseluruhan mutu program tersebut Butterfield (1995); Yahaya (2001). Justeru itu, penilaian merupakan proses untuk menentukan masalah, memilih maklumat berkaitan dan memungut serta menganalisis maklumat tersebut untuk dilaporkan menjadi rumusan yang berguna dalam membuat keputusan selepasnya. Penilaian yang berkesan terhadap pelaksanaan sesuatu kurikulum merupakan perkara penting dalam menentukan kemampuan pelajar yang mengikuti kurikulum tersebut (Mohamed, Ismail, & Md Saad, 2008)

Tuckman (1985) berpendapat bahawa tujuan penilaian sesuatu program pendidikan adalah untuk memastikan program mencapai matlamat. Menurut Tuckman (1985) lagi, penilaian program pendidikan lazimnya berlaku dalam konteks yang dirancang termasuklah semua prosedur yang diikuti, semua input dan proses penetapan matlamat yang mendasari penilaian sesuatu program. Prestasi pencapaian PEO, PLO dan CLO untuk kursus Diploma Kejuruteraan Mekanik dilihat secara menyeluruh sama ada mencapai aras yang ditetapkan (*Key Performance Index*).

Namun begitu, masalah turut wujud apabila kesukaran pihak institusi menilai secara formatif dan sumatif prestasi yang telah dicapai. Dalam pada itu, penilaian program Diploma Kejuruteraan Mekanik perlu diukur setelah dilaksanakan selama empat hingga lima tahun setelah pelajar bergraduat. Prestasi graduan politeknik ini akan mempengaruhi penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kemahiran insaniah yang telah diajar di politeknik sama ada transformasi ilmu berlaku dalam industri. Impak dari penilaian ini membolehkan penambahbaikan secara berterusan dapat dilakukan demi memenuhi kehendak industri.

1.2 Latar belakang masalah

Mekanik adalah satu industri yang mempunyai potensi besar. Dengan sokongan kerajaan yang padu dan sumber manusia yang besar, industri ini boleh berkembang dengan lebih baik pada masa akan datang. Mekanik dan sektor lain yang berkaitan akan dibangunkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga, 2006-2020, ia menjadi pemboleh ubah strategik bagi menyokong dan menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi. Mekanik adalah berkaitan dengan sektor bioteknologi, perkhidmatan perkongsian dan sumber luar, pembangunan kandungan digital, *bioinformatics*, e-dagang, perkhidmatan dan aplikasi, teknologi nano, pengenalan radio frekuensi, teknologi tanpa wayar, sistem mikro elektro mekanikal, *photonic* dan robotik (Jabatan Pembangunan kemahiran, 2008).

Pembangunan dan penstrukturan semula pendidikan kejuruteraan termasuk kejuruteraan mekanik telah dilakukan agar terdapat keseimbangan yang lebih baik di antara sains kejuruteraan analytical dan konkrit, amalan kejuruteraan berasaskan praktikal, penerokaan pendidikan secara jarak jauh dan penyerapan kurikulum baru bagi kejuruteraan mekanikal dan mekanik (Burford & Gregory,

2002). Kekurangan pekerja mahir dikenal pasti sebagai salah satu faktor yang memberi kesan kepada industri mekatronik, pekerja mahir terutamanya di tahap 4, 5, 6 dan 7. Oleh itu, usaha dan tindakan yang sewajarnya perlu diambil untuk membetulkan keadaan (Jabatan Pembangunan kemahiran, 2008).

Memetik rencana Dewan Ekonomi (2014) pada ketika ini, tenaga kerja berkemahiran tinggi di Malaysia hanyalah sebanyak 28 peratus. Kebanyakan tenaga mahir yang ada juga hanya memiliki sekurang-kurangnya diploma dan ijazah bagi 44 sektor pekerjaan di dalam negara. Perkara ini harus diberi perhatian supaya negara mampu mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja mahir dalam semua sektor, sekali gus melahirkan lebih banyak tenaga kerja mahir yang dapat menjanakan ekonomi bernilai tambah.

Peratus tenaga mahir mempengaruhi signifikan penggerak pertumbuhan ekonomi negara untuk mencapai negara maju. Negara Jerman mempunyai 80 peratus tenaga mahir, Finland pula mencatatkan 58 peratus, manakala negara jiran kita, Singapura, memiliki 52 peratus tenaga mahir (Dewan Ekonomi, 2014). Jika perbandingan antara negara Jerman, Finland dan Singapura, Malaysia dilihat kritikal untuk memastikan negara dapat melahirkan lebih banyak tenaga pekerja yang berkemahiran bagi memacu ekonomi negara maju menjelang tahun 2020. Dasar kerajaan adalah membangunkan tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, dilengkapi dengan nilai dan sikap positif bagi membolehkan industri di Malaysia berdaya saing di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Pertambahan keperluan kepada tenaga kerja mahir dan separuh mahir sudah semestinya seiring dengan pertumbuhan ekonomi. Perlaksanaan pusat pertumbuhan ekonomi seperti Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), Wilayah Pembangunan Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Wilayah Pembangunan Ekonomi Koridor Timur (ECER) serta di Sabah dan Sarawak, negara dijangka akan menerima gelombang banjir pekerja asing yang lebih besar (Bahkri, 2008). Sikap rakyat Malaysia yang kurang berminat untuk menceburi bidang berkemahiran tinggi menjadi salah satu punca pekerja asing yang dilihat memonopoli bidang tersebut. Negara perlu mewujudkan lebih banyak tenaga untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi, mengurangkan pengambilan pekerja asing serta meningkatkan daya saing di peringkat global. Ini juga boleh mengurangkan pergantungan kerja terhadap tenaga asing dan pengaliran wang ke luar negara.

RUJUKAN

- Abbu Bakri, E. (2004). *Pengurusan strategik - konsep dan aplikasi untuk pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abd Baser, J. (2014). *Pembelajaran informal dalam kalangan guru mata pelajaran teknologi kejuruteraan jamil bin abd baser universiti teknologi malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ph.D.
- Abd Rahim, R., & Daud, K. (2014). Penggunaan Model CIPP Terhadap Penilaian Kurikulum Subjek Matematik Di Institut Kemahiran Mara (IKM). *Jurnal Pendidikan & Latihan / MARA Innovation Journal*, 11. Retrieved from www.mara.gov.my/en/publication
- Abd Wahab, N. B. (2015). *Pembangunan Kit Rimba Berorientasikan Elemen Sekolah Rimba Malaysia Bagi Peningkatan Kompetensi Sains Murid Orang Asli*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Ph.D.
- Abd Wahab, S. H., Zakaria, M. A., & Jasmi, M. A. (2010). Transformational of Malaysian 's Polytechnic into University College in 2015: Issues and Challenges for Malaysian Technical and Vocational Education. In *1stUPI International Conference on Technical and Vocational Education and Training* (Vol. 1, pp. 570–578). Bandung, Indonesia.
- Abdul Azis, N. A., Abd Hamid, M. Z., Saliyan, I., & Mohd Fuad, N. I. (2013). Kualiti Pendidikan Di IPT: Pendekatan Spiritual Dalam Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE). In *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE)* (pp. 229–235).
- Abdul Ghaffar, M. N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Kadir, A., Salleh, M. Z., Abdul Kadir, M. A., & Mohd Ali, K. A. (2009). Menilai perhubungan di antara hasil pembelajaran kursus (hpk) dan hasil

- pembelajaran program (hpp) dari persepsi pelajar. *Jurnal Teknologi*, 51(E), 1–16.
- Abdullah, S., Muhamad, N., Riza Atiq, A. O. R., Baba, M. D., Noorhisham, T. K., Abdullah, M., ... Muchtar, A. (2005). Penilaian Objektif Dan Hasil Program Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE) Soal Selidik Majikan Industri Dan Alumni. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education (AJTLHE)*, 1(2), 1–8.
- Abdullah, S. N., Abdul Hamid, N. H., & Abdul Halim, S. (2010). Tahap Kesiapan Pelajar Politeknik Kota Bharu Semasa Menjalani Latihan Industri. In U. U. M. Center for Testing, Measurement & Appraisal (CeTMA) (Ed.), *Seminar Kebangsaan Transformasi Pendidikan Teknikal* (pp. 301–307). Sintok: Center for Testing, Measurement & Appraisal (CeTMA), Universiti Utara Malaysia dan Jabatan Pengajian Politeknik.
- Abu Bakar, M. N. (2011). *Penilaian Program Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Bagi Bidang Pertanian Di Sekolah Menengah Harian Di Semenanjung Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Ph.D.
- Ahmad, Z. (2016). *Model Kelestarian Program TVET Berasaskan Kompetensi Pensyarah Dan Amalan Lestari Kolej Vokasional*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Ph.D.
- Alkin, M. C. (1969). Evaluating theory development. *Evaluation Comment* 2:2-7.
